

TEKS PENGGULUNGAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2024
N16 PERAI
EXCO PERUMAHAN DAN ALAM SEKITAR

Assalamualaikum w.b.t, Selamat Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang di-Pertua Dewan di atas peluang yang diberi kepada saya untuk berucap dalam dewan yang mulia ini. Seterusnya terima kasih juga saya ucapkan kepada soalan serta cadangan yang telah dibangkitkan dan disuarakan oleh ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan pelbagai isu yang berkaitan.

PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN DASAR PENGASINGAN SISA DI PUNCA

Antaranya isu Alam Sekitar iaitu berkenaan dengan pengurusan sisa pepejal menjelang 2030 yang disuarakan oleh YB **Berapit** dan juga daripada YB **Seberang Jaya** mengenai Dasar Pengasingan Sisa di Punca yang telah diperkenalkan oleh kerajaan Negeri.

Berkenaan isu alam sekitar ini saya akan menjawab soalan tersebut sekaligus kerana soalan tersebut berada di bawah konteks yang sama iaitu berkaitan pengurusan sisa pepejal.

Dato' Yang di-Pertua,

Berkenaan dengan pengurusan sisa pepejal atau dasar pengasingan sisa pepejal ini telah diperkenalkan dan dilaksanakan pada 1 Jun 2016. Objektif utama pengenalan dasar tersebut adalah untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar serta menjaga keseimbangan ekosistem, mengurangkan kos pengurusan sisa pepejal, mengurangkan penjanaaan sisa yang semakin meningkat ke tapak pelupusan sampah dan memanjangkan tempoh hayat Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung.

Namun begitu, menurut laporan yang dikeluarkan oleh Astro Awani pada 19 Disember 2023 iaitu mengenai "Pulau Pinang kuat kuasa semula dasar pengasingan sisa di punca". Berdasarkan tajuk tersebut Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa iaitu YB Jason H'ng Mooi Lye telah menyatakan

bahawa dasar tersebut telah berkuatkuasa sepenuhnya bermula tahun 2017, namun terhenti akibat pandemik Covid-19 pada tahun 2020. Menurut beliau usaha dan kerjasama yang lebih proaktif dengan pihak PBT iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Ahli Majlis serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk mengimplementasikan semula dasar tersebut kepada masyarakat setempat sebelum ianya dikuatkuasakan semula pada Julai 2024 ini. Tambahan beliau, kerajaan negeri menetapkan bahawa bermula Januari 2024 sehingga Jun 2024 sebagai fasa mendidik di mana pihak yang terlibat perlu lebih aktif dan giat dalam mempromosikan semula dasar dan kesedaran mengenai pengurusan sisa pepejal melalui platform sedia ada seperti media sosial.

Kesannya, berdasarkan ucapan bajet bagi tahun 2023 oleh Ketua Menteri Pulau Pinang iaitu YAB Chow Kon Yeow menyatakan bahawa pada tahun 2021, Pulau Pinang telah berjaya mencapai kejayaan kadar kitar semula yang tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak 51.18 peratus. Pencapaian ini merupakan kejayaan Kerajaan Negeri dalam merealisasikan Visi Penang2030 yang menetapkan sasaran 50 peratus kadar kitar semula menjelang tahun 2030 dengan lebih awal dari tempoh yang ditetapkan selain mengatasi kadar kitar semula kebangsaan pada tahap 31.52 peratus bagi tahun yang sama. Berbalik kepada soalan yang ditanyakan oleh YB **Seberang Jaya** mengenai “adakah garis panduan yang jelas telah disediakan untuk melaksanakan polisi ini”? Jawapan saya adalah ya, kerana kejayaan yang dicapai melalui ucapan bajet yang dibentangkan bagi tahun 2023 menunjukkan prestasi yang positif.

Tuan Yang Di-Pertua,
Apabila isu mengenai pengurusan sisa pepejal ini dibangkitkan, sudah pasti kita akan melihat kepada aspek kesedaran masyarakat setempat tentang polisi dan dasar yang diperkenalkan. Saya menyambut baik dan bersetuju dengan YB **Seberang Jaya** yang mengambil sudut pandangan ke negara matahari naik iaitu Negara Jepun yang amat komited dalam pengurusan sisa pepejal yang kita dapat lihat ianya menjadi antara negara yang terbersih di dunia. Perbandingan ini dapat saya katakan bahawa kesedaran masyarakat Jepun dan masyarakat di negeri ini amatlah berbeza “bagai langit dan bumi”. Hal ini dikatakan demikian kerana, aspek kebersihan dan kesedaran mengenai penjagaan alam sekitar serta pengurusan sisa pepejal ini dilihat telah menjadi satu bentuk budaya. Andai kita menyentuh soal budaya ini sudah pasti kita

akan faham mengenai identiti masyarakat Jepun yang berdisiplin. Suka untuk saya katakan tahap disiplin masyarakat Jepun dalam segala aspek termasuklah aspek kesedaran pengurusan sisa pepejal ini berada di tahap yang terbaik. Melihat kepada masyarakat setempat di Pulau Pinang ini yang masih jauh ketinggalan tahap kesedaran kita terhadap peri pentingnya menjaga alam sekitar melalui pengurusan sisa pepejal yang tersusun dan sistematik.

Dato' Yang di-Pertua dan ahli sidang sekalian, Oleh itu, kerajaan negeri akan sentiasa mempertingkatkan usaha ini bersama pihak berkuasa tempatan PBT untuk lebih komited dalam memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai pengurusan sisa pepejal ini. Selari dengan kenyataan yang dibuat oleh YBhg. Dato' Azhar Arshad, Datuk Bandar MBSP menyatakan bahawa usaha untuk mendekati rakyat merupakan satu langkah yang terbaik yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran sejagat. Usaha ini bukan sahaja meliputi kesedaran di peringkat pelajar sekolah malah komuniti setempat melalui ahli-ahli majlis yang dilantik di peringkat kawasan tempat tinggal.

Tuan Yang Di -Pertua, Seterusnya saya akan menjawab soalan yang dikemukakan oleh YB **Berapit** iaitu:

1. Berapakah jumlah peruntukan dalam jumlah belanjawan tahunan yang digunakan oleh MBPP dan MBSP dalam pengurusan sisa pepejal bagi tahun 2022?
= 36 juta (berdasarkan ucapan bajet MBPP dan MBSP)
2. Berapakah jangkaan peratusan & RM peningkatan kos pengurusan sampah pepejal setiap tahun berdasarkan jumlah perbelanjaan sebenar tahun 2022?
=RM 100 juta lebih
**Peningkatan kutipan sampah yang semakin meningkat, maka kos juga akan meningkat.*
3. Apakah rancangan 10-15 tahun yang telah diambil oleh kerajaan tempatan untuk pengurusan sisa pepejal pengurusan sisa pepejal selain kaedah sedia ada atau kearah merintis teknologi "Waste to Energy" (WtE) yang berteknologi

tinggi serta mampu menyelesaikan masalah ketergantungan terhadap tapak pelupusan sampah Pulau Burung yang semakin mengecil sekaligus mampu menjana hasil atau pendapatan baru kepada negeri?

Dato' Yang di-Pertua,

Berdasarkan ucapan bajet pada tahun 2023, membincangkan tentang rancangan pengurusan sisa pepejal seperti Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB) yang sedang dioperasikan oleh MBSP. Seperti yang kita sedia maklum kini tapak pelupusan sampah Pulau Burung menjadi tapak utama dalam pengurusan sisa pepejal yang berada di bawah seliaan PBT yang terdiri daripada MBSP dan MBPP.

Dalam pada itu, kerajaan negeri berpendapat bahawa pelaksanaan sebuah Eco Park yang merangkumi beberapa jenis teknologi rawatan sisa pepejal dapat diwujudkan. Misalnya, Stesen Pemindahan Sampah Ampang Jajar (SPSAJ) telah diambil alih oleh sebuah syarikat yang akan menerapkan kaedah Waste to Energy menjelang tahun 2025. Di samping itu, SPSAJ akan dikenali sebagai Integrated Solid Waste Facility (ISWF) yang akan dilengkapi dengan sebuah Materials Recovery Facility (MRF) di mana sisa pepejal akan diasingkan untuk dikitar semula dan selebihnya disalurkan ke Anaerobic Digester sebagai kaedah rawatan sisa yang akan menjana biogas dan seterusnya boleh ditukarkan kepada tenaga elektrik. Proses ini mampu mengurangkan jumlah keseluruhan sisa pepejal yang akan dihantar ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung sekaligus berupaya memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan tersebut.

Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah yang pragmatik untuk menutup secara selamat, memulih dan membangunkan semula tanah bekas tapak pelupusan sampah di Jelutong melalui satu tender terbuka. Tanah ini yang berkeluasan 84 ekar yang akan mengambil masa selama lima (5) tahun untuk dipulihkan dan sepuluh (10) tahun untuk dibangunkan dengan pembangunan bercampur. Selain itu, Kerajaan Negeri sedang merancang untuk membina satu pusat kitar semula kekal bagi sisa binaan, tanah korekan dan sisa kebun di kawasan Pulau Burung untuk menerima semua sisa sedemikian daripada seluruh negeri. Sebelum pusat ini siap dibangunkan, satu tapak interim kitar semula sisa binaan, tanah korekan dan sisa kebun akan disediakan untuk memproses kesemua sisa yang dialihkan daripada Tapak

Pelupusan Sampah Jelutong apabila tapak berkenaan ditutup untuk kerja pemulihan kelak.

Dalam pada itu, sekali lagi saya nyatakan bahawa kerajaan negeri komited dalam sektor pengurusan sisa pepejal ini melalui PBT. Terdapat pelbagai rancangan yang sedang giat dirangka dan diatur. Antaranya ialah Kerajaan Negeri melalui BKT juga sedang berusaha untuk merealisasikan Dasar Total Solution bagi pengurusan sisa pepejal di negeri ini. Objektif pelaksanaan dasar tersebut adalah untuk mengurangkan sisa pepejal yang dilupuskan di tapak pelupusan melalui inisiatif-inisiatif yang dirancang iaitu pelaksanaan teknologi rawatan sisa pepejal seperti teknologi (Material Recovery Facility) MRF dan 'anaerobic digestion' serta penerapan konsep ekonomi kitaran secara menyeluruh dalam membangunkan Penang Waste Eco Park atau Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung bagi menghasilkan biogas atau tenaga dan bahan mentah sekunder. (Menurut ucapan baget bagi tahun 2024.) Oleh itu, saya bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh YB Berapit yang melihat bahawa suatu kaedah yang bersifat teknologi tinggi ini seperti pelaksanaan "Waste to Energy" ini yang dapat menjana hasil atau pendapatan bagi negeri. Beliau turut menyebut bahawa "sampah sebenarnya wang ringgit, emas dan permata yang berselerakan". Secara keseluruhannya, mengenai pengurusan sisa pepejal ini dapat saya katakan bahawa kerajaan negeri sentiasa bersedia sedia untuk melakukan naik taraf dalam menghadapi isu ini.

KESEJAHTERAAN ALAM SEKITAR DAN PENDUDUK PULAU PINANG MELALUI KEPESATAN PROJEK PEMBANGUNAN

Seterusnya daripada YB **Sungai Puyu** mengenai kesan kepesatan projek pembangunan dan pengurusan infrastruktur kepada alam sekitar dan kesejahteraan penduduk di Pulau Pinang.

Dato' Yang di-Pertua,

Kerajaan negeri mengambil maklum tentang kekusaran penduduk mengenai kepesatan projek pembangunan dan pengurusan infrastruktur di negeri ini.

Terima kasih saya ucapkan kepada YB **Sungai Puyu** di atas soalan yang dikemukakan mengenai apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri

dalam memastikan projek penambakan laut ini tidak mengancam kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan penduduk setempat. Pertama sekali, projek penambakan laut yang sedang hangat diperkatakan ini adalah berkaitan “Penang South Island” (PSI). Pembangunan PSI ini atau dikenali sebagai “Silicon Island” ini dibangunkan selaras dengan Visi Penang 2030. Di mana kerajaan negeri bercita-cita untuk membina sebuah negeri hijau, pintar dan berteraskan keluarga yang boleh menginspirasi negara. Seterusnya, projek ‘Silicon Island’, Penang South Island (PSI) yang akan memainkan peranan penting dalam perkembangan sektor Elektrik dan Elektronik (E&E) di negeri ini dan terus diperkukuhkan dengan pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) dengan memfokuskan kepada projek Transit Aliran Ringan (LRT) Bayan Lepas dengan menambah baik aliran trafik melalui inisiatif inisiatif mobiliti pengangkutan awam di negeri ini.

Pihak kerajaan negeri telah membuat kajian yang menyeluruh meliputi penyediaan pelbagai langkah kawalan kepada penjagaan alam sekitar semula jadi. Terdapat 6 langkah kawalan pencemaran. Antaranya:

- Pemantauan kualiti air
- Pemantauan kekeruhan secara langsung
- Pemantauan kualiti udara
- Pemantauan bunyi dan getara
- Pengurusan sisa dan bahan pencemar
- Pembuangan bahan pengorekan

Langkah-langkah tersebut merupakan pelan atau garis panduan yang perlu dipatuhi dalam proses pembinaan dan pembangunan “silicon island”. Usaha tersebut menunjukkan usaha kerajaan dalam menjamin kesejahteraan alam sekitar. Bagi golongan nelayan pula, mereka masih boleh menjalankan aktiviti menangkap ikan di laut mengikut spesifikasi ukuran yang radius yang bersesuaian.

Dalam pada itu, saya juga menyambut baik cadangan YB **Sungai Puyu** yang menyatakan bahawa penguatkuasaan undang-undang alam sekitar yang lebih tegas dan pelaksanaan projek - projek baharu yang akan datang mestilah melalui proses Penilaian Impak Alam Sekitar atau Environmental Impact Assessment (EIA).

Kesimpulannya, Kerajaan Negeri komited untuk menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang terbaik selari dengan kepesatan pembangunan yang berterusan di negeri ini. Kerajaan Negeri juga akan terus berusaha untuk mencari alternatif atau kaedah lain agar infrastruktur yang akan dibina adalah yang terbaik dan usaha ini akan dilaksanakan secara berterusan dan berperingkat demi menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat Negeri Pulau Pinang. Sudah semestinya untuk setiap pelan pembangunan ini pihak kerajaan negeri bersama pihak berwajib akan sentiasa meneliti dan melakukan kajian serta pemerhatian yang menyeluruh terhadap semua aspek tidak kira kepada alam sekitar mahupun penduduk setempat. Lantikan pakar dalam pelbagai bidang sudah pasti menjadi keutamaan kepada kerajaan negeri dalam meneliti dan menjalankan kajian secara terperinci sebelum ianya dipersetujui.

Dato' Yang di-Pertua,

Bagi mengakhiri sesi jawapan saya kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh ahli-ahli yang terhormat. Saya ingin menyeru semua pihak agar kita dapat berganding bahu dalam dalam mempertingkatkan lagi kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar yang dapat membentuk masyarakat yang harmoni.

Sekian, terima kasih.

Nadia Nadhirah binti Radzali

N16 Perai

Sidang Muda 2024

SIDANG MUDA
PULAU PINANG